

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

Pengenalan

Kajian ini dibuat untuk meninjau persepsi pelajar terhadap pengajaran geografi di tiga buah sekolah sekolah menengah. Ia bertujuan untuk mencari perkaitan antara persepsi pelajar dengan pembolehubah-pembolehubah demografik pelajar. Pembolehubah tidak bersandar yang dimaksudkan ialah jantina pelajar, pencapaian gred geografi pelajar, minat pelajar terhadap geografi dan tingkatan pengajian. Ciri utama guru geografi di tiga buah sekolah kajian juga dikenal pasti .

Sampel

Kajian ini melibatkan tiga buah sekolah menengah di daerah Kuantan. Sekolah-sekolah yang dipilih adalah sekolah biasa (bukan sekolah berasrama penuh) tetapi mempunyai pencapaian akademik yang memuaskan dalam peperiksaan umum. Langkah ini bertujuan untuk memastikan pelajar lemah yang dipilih sebagai

responden tidak menghadapi masalah membaca dan memahami soal selidik.

Sampel kajian ini terdiri daripada 180 orang pelajar, iaitu 93 orang pelajar tingkatan II dan 87 pelajar tingkatan IV (lihat jadual 3.1 di bawah). Seramai 54 daripada sampel ini merupakan sampel lelaki dan yang baki 126 adalah perempuan.

Jadual 3.1

Taburan Sampel Mengikut Tingkatan Pengajian dan Jantina

Sampel	Tingkatan II	Tingkatan IV	Jumlah Besar
Lelaki	33	21	54
Perempuan	60	66	126
Jumlah	93	87	180

Sampel kajian ini terdiri daripada pelajar yang berbeza keupayaan akademik. Pemilihan sampel dibuat oleh guru-guru geografi sekolah yang terlibat. Seramai 52.2 % (n=94) sampel adalah pelajar sederhana, 25% (n=45) adalah pelajar pencapaian tinggi dan yang baki 22.8% (n=41) merupakan pelajar pencapaian rendah (lihat jadual 3.2 di bawah ini).

Jadual 3.2**Taburan Sampel Mengikut Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Geografi**

Pencapaian dalam mata pelajaran geografi	Peratusan %	Bilangan (n)
Tinggi	25.0	45
Sederhana	52.2	94
Rendah	22.8	41
Jumlah	100.0	180

Instrumen

Untuk mengumpul maklumat tentang ciri-ciri guru geografi yang berkesan, satu soal selidik telah digubal berdasarkan kajian dan pandangan Shulman (1986), Varma (1987), Leming (1991), Armento (1991), Stanley (1991), Siti Fatihah bt Abdullah (1998) dan beberapa pendidik kajian sosial yang tersebut dalam bab 2.

Ciri-ciri guru geografi yang berkesan telah dikategorikan kepada tiga kategori utama (i) pengetahuan guru tentang geografi (ii) kaedah penyampaian dan kemahiran pengurusan kelas dan (iii) sifat peribadi guru (lihat lampiran 1, h.61-62).

Kategori pengetahuan guru terdapat 6 item yang berkisar pada keupayaan guru menguasai ilmu pengetahuan tentang

geografi. Manakala kategori kaedah penyampaian dan kemahiran pengurusan kelas mengandungi 14 item. Item-item ini berkaitan dengan pengendalian kelas geografi yang berkesan. Kategori sifat peribadi guru mengandungi 6 item tentang sahsiah guru untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang bebas dan terbuka.

Instrumen yang diedarkan kepada responden mengandungi dua bahagian. Bahagian A meminta data demografi responden. Maklumat-maklumat yang diperlukan ialah jantina responden, pencapaian geografi responden, minat responden terhadap mata pelajaran geografi dan tingkatan pengajian responden. Responden hanya perlu menandakan pernyataan yang tepat mengenai dirinya.

Bahagian B mengandungi 26 item tentang ciri-ciri guru geografi di sekolah responden. Kesemua item dinyatakan dalam ayat positif dan dalam bentuk skala Likert. Skala 5 = sangat setuju , skala 4 = setuju , skala 3 = tidak pasti , skala 2 = tidak setuju, dan skala 1 = sangat tidak setuju. Responden hanya perlu membulatkan angka yang tepat menggambarkan guru geografi mereka (lihat salinan instrumen pada halaman 63-65).

Pengumpulan Data

Setelah mendapat surat kebenaran untuk menjalankan kajian daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, satu kajian rintis soal selidik yang melibatkan 60 pelajar; 30 pelajar tingkatan IV dan 30 pelajar tingkatan II, telah dijalankan pada bulan Jun 1999. Pindaan pada instrumen terpaksa dibuat kerana segelintir pelajar kurang memahami item-item dalam instrumen asal. Satu item terpaksa digugurkan kerana didapati ia tidak sesuai.

Kajian sebenar dijalankan pada bulan Julai 1999. Pengumpulan data untuk tiga buah sekolah (bagi kedua-dua sesi pagi dan petang) terpaksa dibuat dalam enam perjumpaan.

Setelah berurus dengan pihak pentadbir sekolah, pengkaji mentadbir kajian itu sendiri. Pemilihan responden (ikut gred pencapaian geografi) dibuat oleh guru geografi sekolah. Responden dikumpul ke sebuah dewan atau bilik darjah (bergantung kepada kekosongan bilik di sekolah berkenaan) untuk ditadbirkан soal selidik.

Responden diminta untuk menyerahkan balik soal selidik yang siap dijawab sebelum mereka tinggalkan dewan / bilik. Semua responden dapat menjawab item-item dalam soal selidik ini dengan cermat dalam masa 25 minit.

Prosedur Analisis Data

Untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap pengajaran guru geografi, matlamat kajian dimasukkan ke komputer dengan menggunakan perisian *SPSS 7.5 for Windows*. Prosedur analisis data seterusnya menggunakan perisian ini.

Kajian ini melibatkan tiga kategori yang berlainan tentang ciri-ciri guru. Sungguhpun bilangan item untuk setiap kategori tidak sama banyak, tetapi analisis statistik berdasarkan jumlah skor boleh dibuat. Ini kerana kajian ini tidak bertujuan untuk membandingkan jumlah skor bagi ketiga-tiga kategori itu.

Ujian-t digunakan untuk menentukan sama ada ada perbezaan yang signifikan antara dua kumpulan responden. Maka ujian-t digunakan untuk menjawab soalan 1, soalan 2 dan soalan 3.

Oleh kerana soalan 4 membandingkan persepsi pelajar bagi tiga kumpulan pelajar (iaitu pelajar yang berpencapaian geografi

tinggi, sederhana dan rendah), maka analisis varians satu hala, ANOVA, digunakan.

Untuk menjawab soalan kajian tentang sejauh manakah pelajar menganggap guru geografi mereka sebagai berkesan, statistik deskriptif min digunakan.

Sebagai rumusan kajian, prosedur *multiple regression* dibuat untuk mengesan kategori-kategori tentang ciri guru berkesan yang menyebabkan varians skor guru. Di samping itu, ciri-ciri guru geografi yang dikaji dalam kajian ini disusun mengikut tertib menurun.